

Judul	KOR-SUKSIS UMS anjuran program Bakti Siswa Bersama Masyarakat 20-24 Mei
Pengarang	
Akhbar	Borneo Post
Tarikh	15 Mei 2008
Bahasa	Melayu
Mukasurat	2

## KOR-SUKSIS UMS anjur Program Bakti Siswa Bersama Masyarakat 20-24 Mei

KOTA KINABALU: Kor-Sukarelawan Polis Siswa (KOR-SUKSIS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan aktiviti kemasyarakatan iaitu Program Bakti Siswa Bersama Masyarakat di Kampung Long Pasia, Sipitang pada 20 hingga 24 Mei ini.

Program Bakti Siswa ini adalah yang kedua dianjurkan KOR-SUKSIS UMS iaitu yang pertama telah diadakan di Daerah Semporna pada tahun 2004 dan telah dijayakan oleh para pelatih SUKSIS Skuad siri 1/2004.

Sehubungan itu, pihak KOR-SUKSIS amat berbesar hati untuk menganjurkan program ini disamping dapat memperkenalkan UMS kepada masyarakat luar dengan menjayakan aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan sendiri oleh SUKSIS.

Program ini dijangka akan turut dihadiri oleh beberapa pegawai pengiring SUKSIS termasuklah para jurulatih serta pelatih-pelatih KOR-SUKSIS Skuad Siri 1/2006.

Program yang bertemakan 'Siswa Prihatin, Pelapis Pemimpin Negara' ini akan diketuai oleh Timbalan Presiden KOR-SUKSIS UMS iaitu En. Ruzlee Jumatin dan dibantu oleh beberapa AJK pelaksana yang lain.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin merangkap Komandan Kor-SUKSIS UMS berkata, program ini dijalankan kerana sikap prihatin yang mendalam terhadap kehidupan masyarakat terutama masyarakat di luar bandar masa kini.

Selain itu, katanya, pro-

gram ini juga merupakan salah satu komponen penting yang terkandung dalam latihan/silibus yang ditetapkan bagi melayakkan para pelatih ditauliahkan sebagai Pegawai Inspektor Sukarelawan Polis.

"Program Bakti Siswa Bersama Masyarakat ini adalah suatu usaha untuk mewujudkan jalinan erat antara pelatih Kor-SUKSIS dengan penduduk luar bandar dengan pendedahan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dalam hidup berkeluarga melalui kesepakatan dan kerjasama erat.

"Secara tidak langsung, para pelatih boleh saling mengenali dan merapatkan hubungan silatulahim dengan masyarakat

luar melalui program yang dijalankan bagi tujuan mewujudkan ukhuwah antara para pelatih dengan masyarakat luar".

"Matlamat program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang peranan yang mampu dijalankan oleh seorang mahasiswa dalam usaha mewujudkan perpaduan nasional yang mapan," katanya.

Beliau berkata, program ini juga adalah bertujuan untuk mendekatkan masyarakat dengan PDRM melalui aktiviti seperti dialog bersama Commissioner Polis Sabah (CP) dan pameran PDRM.

Selain itu, program ini juga

dapat membentuk konsep sendiri pelatih Kor-SUKSIS dalam usaha untuk menjayakan program serta memupuk semangat bekerjasama, bertoleransi di antara satu dengan yang lain, ketabahan dari segi mental dan fizikal serta pelbagai dugaan lagi yang akan ditempuhi bagi mencapai objektif projek ini selaras dengan pembentukan dan pembangunan modal insan.

"Maka, demi mencapai objektif tersebut, pendekatan dari aspek fizikal dan mental perlu ditekankan dalam menjayakan program ini. Terdapat beberapa objektif utama program Bakti Siswa ini dianjurkan," katanya lagi.